

## SEJARAH KEMUNCULAN TEORI *HIFZ AL-NAFS* DALAM *MAQASID SYARI'AT*: ANALISIS SOROTAN TEORITIKAL

### *HISTORY OF THE EMERGENCE OF HIFZ AL-NAFS THEORY IN MAQASID SYARI 'AT: ANALYSIS OF THEORETICAL REVIEW*

Mustaqim Roslan, M<sup>1\*</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia.muhd.mustaqim@usas.edu.my

\*Penulis penghubung

Artikel diterima: 02 Jan 2024

| Selepas Pembetulan: 30 April 2024

| Diterima untuk terbit: 27 Mei 2024

#### Abstrak

Sejarah kemunculan teori *Hifz al-Nafs* ini sering dikaitkan dengan perbincangannya yang begitu tuntas dalam ilmu *Maqasid Syari'at* pada zaman al-Syatibi (790 H). Namun begitu, ia disangkal oleh beberapa literatur lepas apabila sebahagian mereka mendakwa bahawa kemunculannya telah lama wujud tatkala turunnya al-Quran dan al-Sunnah dan secara tidak langsung telah diperincikan oleh ilmuan-ilmuan Islam sebelum zaman al-Syatibi (790 H). Oleh yang demikian, artikel ini dihasilkan bertujuan untuk melihat kronologi sejarah kemunculan teori *Hifz al-Nafs* itu dengan lebih terperinci bersandarkan kepada pandangan-pandangan ulama silam dan kontemporari. Falsafah di sebalik kajian ini adalah interpretif dan menggunakan pendekatan kualitatif dalam mengadaptasi reka bentuk kajian. Manakala kaedah pengumpulan dan analisis data dalam kajian ini adalah dengan menggunakan kaedah analisis kandungan dokumen. Hasil dapatan menunjukkan bahawa, teori *Hifz al-Nafs* itu telah wujud lamanya di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Namun, teori *Hifz al-Nafs* itu secara istilahnya telah mula diperkenalkan oleh Abu Hassan al-Amiri (381 H) dalam bukunya yang masyhur *al-I'lam*. Walaupun kemunculan ilmu *Maqasid Syari'at* secara *mustaqil* tidaklah dipopularkan oleh beliau, namun perbincangan tentang pecahan-pecahan ilmu tersebut telah lama diperkenalkan oleh beliau dengan susunan awalnya iaitu *Hifz al-Nafs*, *Hifz al-Mal*, *Hifz al-Nasl*, *Hifz al-'Ird* dan *Hifz al-Din*. Teori ini mula digunakan dan dibincangkan secara meluas oleh kebanyakan ilmuan Islam selepasnya bermula kurun keempat Hijrah. Setelah runtuhnya kota Granada, Tahir Ibnu Asyur memperluaskan penulisan *Maqasid Syariat* hinggalah pada hari ini. Oleh itu, kejumudan sebahagian pihak yang terlampau taasub kepada kemunculan teori *Hifz al-Nafs* itu adalah daripada mazhab Maliki oleh al-Syatibi (790 H) perlulah diharmonikan dengan mengambil kira isi perbincangan dalam kajian ini.

#### Kata kunci

*Hifz al-Nafs*, Kronologi, *Maqasid Syari'at*, Sejarah, Teoritikal

**Abstract**

The history of the theory of *Hifz al-Nafs* is frequently linked to its extensive discussion in the knowledge of *Maqasid Shari'ah* during the time of *al-Syatibi* (790 H). It was, however, denied by some previous literature, which claimed that its appearance had long existed when the *Qur'an* and *Sunnah* were revealed, and had been indirectly detailed by Islamic scholars prior to the time of *al-Syatibi* (790 H). As a result, this article is written with the intention of delving deeper into the historical chronology of the emergence of the *Hifz al-Nafs* theory based on the perspectives of past and contemporary scholars. The study's philosophy is interpretive, and the study design is adapted using a qualitative approach. Meanwhile, the document content analysis method is used in this study for data collection and analysis. The findings indicate that the theory of *Hifz al-Nafs* has been around for a long time in the *Quran* and *Sunnah*. However, the term of *Hifz al-Nafs*, was first introduced by *Abu Hassan al-Amiri* (381 H) in his famous book *al-'lam*. Although he did not entirely (*mustaqil*) popularise the emergence of *Maqasid Shari'ah* knowledge, he did long introduce the debate about the fragments of knowledge with the initial order of *Hifz al-Nafs*, *Hifz al-Mal*, *Hifz al-Nasl*, *Hifz al-'Ird*, and *Hifz al-Din*. Most Islamic scholars began to use and discuss this theory after the beginning of the fourth century of the *Hijrah*. *Tahir Ibn Asyur* expanded the writing of *Maqasid Shari'ah* after the fall of *Granada* until today. Therefore, the rigidity of some parties who are too obsessed with the emergence of the theory of *Hifz al-Nafs* from the *Maliki* school by *al-Syatibi* (790 H) must be harmonised by taking the content of the discussion in this study into account.

**Keywords**

*Hifz al-Nafs*, Chronology, *Maqasid Shari'ah*, History, Theoretical.

**1.0 Pendahuluan**

Secara etimologi perkataan *Hifz al-Nafs* adalah dua istilah bahasa Arab yang digabungkan dan membawa maksud menjaga nyawa. Perkataan *hifz* bererti menjaga dan perkataan *al-nafs* pula bermaksud roh (nyawa), jasad, darah, saudara dan di sisi (*Ibnu Manzur* 2012). Jika merujuk kepada Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2012), istilah menjaga merujuk pelbagai maksud seperti menjaga dalam keadaan tidur, mengawal dan mengawasi agar sesuatu tidak hilang, memelihara dan sebagainya. Manakala nyawa pula adalah merujuk pelbagai maksud seperti roh yang menghidupkan manusia, jiwa dan lain-lain. Sementara secara terminologi pula, terdapat pelbagai pendapat yang berbeza dalam kalangan ahli ilmunan ketika menterjemahkan konsep *Hifz al-Nafs* ini. *Al-Raysuni* (1995) menjelaskan bahawa *al-Syatibi* mentakrifkan konsep *Hifz al-Nafs* ialah pemeliharaan hidup yang boleh dicapai dengan tiga cara iaitu mewujudkan asas kekeluargaan melalui perkahwinan yang sah, memastikan kelangsungan hidup melalui makanan dan minuman yang halal dan suci serta menyediakan pakaian dan tempat tinggal.

Sejarah kemunculan teori *Hifz al-Nafs* ini sering dikaitkan dengan perbincangannya yang begitu tuntas dalam ilmu *Maqasid Syari'at* pada zaman *al-Syatibi* (790 H). Namun begitu, menurut literatur-literatur lepas bahawa, terdapat dakwaan yang membuktikan akan kemunculan teori ini pada kurun ketiga *Hijrah* secara *qat'i* pada sudut istilah (*Mustaqim Roslan* 2023). Adapun perbincangannya telah muncul lama tatkala turunnya *al-Quran* dan *al-Sunnah* di samping perbincangannya secara tidak langsung oleh ilmunan-ilmun Islam sebelumnya. Hal ini dapat dibuktikan dengan penulisan-penulisan ulama mazhab dalam perundangan Islam tatkala mereka menitikberatkan teori *Hifz al-Nafs* dalam hukuman *qisas*, *diyat*, keharusan

mengambil yang haram pada waktu darurat dan sebagainya. Berlakunya khilaf dalam menyelusuri sejarah kemunculan teori *Hifz al-Nafs* ini adalah tidak lain disebabkan termanya begitu umum yang terdapat di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Oleh yang demikian, ia membuka ruang para ilmuan Islam untuk menyelidik dan mengkaji akan asal usul kemunculannya.

Sehubungan dengan itu, artikel ini dihasilkan bertujuan untuk melihat kronologi sejarah kemunculan teori *Hifz al-Nafs* itu dengan lebih terperinci bersandarkan kepada pandangan-pandangan ulama silam dan kontemporari. Dengan adanya kajian ini, ia dapat membuktikan samada dakwaan yang dilontarkan oleh pengkaji-pengkaji lepas adalah berasas mahupun tidak. Kajian ini percaya bahawa teori *Hifz al-Nafs* itu melalui jalur kemunculan sejak azali lagi dan bukanlah merupakan teori baharu yang muncul pada zaman al-Syatibi (790 H). Namun sejauh manakah dakwaan tersebut, memerlukan kepada penelitian dalam artikel ini. Secara khususnya, artikel ini akan menjawab satu persoalan sahaja iaitu:

1. Apakah kronologi sejarah kemunculan teori *Hifz al-Nafs* dalam *Maqasid Syari'at*?

## 2.0 Sorotan Kajian

Pengkaji telah menyoroti beberapa kajian lepas yang berlegar di bawah skop *Hifz al-Nafs* dalam *Maqasid Syari'at* bagi memperkukuhkan lagi perbincangan kajian ini. Pertamanya, penulis mulakan dengan satu artikel jurnal pada tahun 2020 iaitu daripada *Islamic Review: Jurnal Riset dan Kajian Keislaman*. Kajian ini ditulis oleh Aay Siti Raohatul Hayat berjudul "*Formula Pemeliharaan Jiwa (Hifz al-Nafs) Pada Undang-Undang Nomor 16 Tahun 2019*". Hasil dapatan menunjukkan pemeliharaan jiwa (*Hifz al-Nafs*) pada undang-undang nomor 16 tahun 2019 sudah sesuai dalam perspektif hukum Islam (*Maqasid Syari'at*), yang mana di dalamnya menjamin akan hak-hak kemanusiaan, pemeliharaan jiwa dan berupaya mewujudkan keluarga sakinah. Selain itu, terdapat juga satu artikel jurnal pada tahun 2019 daripada *International Journal of Business Economics and Law* berjudul "*Aplikasi Maqasid Syari'at dalam Sistem Pendidikan di Malaysia: Pembelajaran Abad Ke-21*". Hasil dapatan kajian menunjukkan PAK-21 ini menerapkan elemen dan nilai-nilai murni serta aplikasi *Maqasid Syari'at* yang baik khususnya daripada aspek *Hifz al-'Aql* iaitu penjagaan akal.

Ruslan Fariadi turut menulis satu artikel jurnal berjudul "*Menggagas Fikih Lalu Lintas Perspektif Manhaj Tarjih Muhammadiyah*". Kajian ini diterbitkan pada tahun 2019 oleh *Jurnal Tarjih dan Pengembangan Pemikiran Islam*. Hasil dapatan menunjukkan bahawa dalam perspektif *Manhaj Tarjih Muhammadiyah*, dilakukan tiga bentuk pendekatan dalam proses merumuskan suatu hukum iaitu pendekatan *bayani*, *burhani* dan *'irfani*. Dan yang terakhirnya ialah artikel jurnal pada tahun 2017 berjudul "*Perbandingan Proses Tazkiyat al-Nafs menurut Imam al-Ghazali dan Ibnu Qayyim*". Hasil dapatan menunjukkan pandangan al-Ghazali dilihat lebih terperinci dan jelas dengan membahagikan *mujahadat al-nafs* dan *riyadat al-nafs* kepada beberapa peringkat. Jika melihat kepada kajian-kajian lepas ini, walaupun teori *Hifz al-Nafs* itu digunakan dalam perbincangan artikel dengan begitu tuntas, namun isu kronologi kemunculan teori *Hifz al-Nafs* tidaklah diperincikan secara berfokus. Oleh yang demikian, ia membuka ruang kajian dalam artikel ini untuk melihat isu perbincangan yang diutarakan dengan lebih tuntas.

### 3.0 Metodologi Kajian

Metodologi kajian adalah merujuk kepada cara, kaedah dan pendekatan yang digunakan untuk memastikan objektif dan matlamat kajian tercapai (Mustaqim Roslan 2023). Oleh itu, kajian ini telah mengatur metodologi kajian dan strategi-strategi yang akan digunakan untuk mendapatkan maklumat dan data melalui tiga kaedah iaitu reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data. Falsafah di sebalik kajian ini adalah interpretif iaitu carian penjelasan tentang peristiwa-peristiwa sosial atau budaya yang didasari pada perspektif persekitaran yang dikaji (Muslim 2016). Selain itu juga, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dalam mengadaptasi reka bentuk kajian. Manakala kaedah pengumpulan dan analisis data dalam kajian ini adalah dengan menggunakan kaedah analisis kandungan dokumen.

Kaedah analisis kandungan dokumen merupakan teknik yang digunakan untuk mendapatkan data dokumen. Menurut Krippendorff (2004) dan White & Marsh (2006), kaedah ini juga adalah teknik kajian yang digunakan bagi membuat kesimpulan yang boleh diulang dan sah daripada teks atau bahan lain yang bermakna bagi konteks yang digunakan. Tambahan lagi, pengumpulan data melalui kaedah analisis kandungan dokumen ini turut dapat memberikan maklumat yang relevan kepada isu dan masalah yang dikaji. Kaedah ini diadaptasikan untuk mendapatkan data-data primer dan sekunder daripada tafsir dan syarah al-Quran, al-Sunnah, artikel-artikel jurnal, buku-buku ilmunan klasik dan kontemporari, kajian-kajian ilmiah pascasiswazah, kertas-kertas kerja persidangan dan semua dokumen yang berkaitan dengan kajian ini (Mustaqim Roslan 2023).

### 4.0 Konsep Teori Hifz al-Nafs

Secara etimologi perkataan *Hifz al-Nafs* adalah dua istilah bahasa Arab yang digabungkan dan membawa maksud menjaga nyawa. Perkataan *hifz* bererti menjaga dan perkataan *al-nafs* pula bermaksud roh (nyawa), jasad, darah, saudara dan di sisi (Ibnu Manzur 2012). Jika merujuk kepada Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2012), istilah menjaga merujuk pelbagai maksud seperti menjaga dalam keadaan tidur, mengawal dan mengawasi agar sesuatu tidak hilang, memelihara dan sebagainya. Manakala nyawa pula adalah merujuk pelbagai maksud seperti roh yang menghidupkan manusia, jiwa dan lain-lain. Selain itu, ia juga membawa maksud batin iaitu merujuk kepada perasaan, fikiran, cita-cita dan lain-lain yang terkandung dalam hati manusia. Sementara secara terminologi pula, al-Juwayni (2003) dalam menghuraikan pandangan Imam Syafii terhadap konsep *Hifz al-Nafs* itu telah mentakrifkannya sebagai menjaga nyawa dengan diperundangkan hukuman qisas adalah untuk menjaga nyawa daripada hilang, menjaga keselamatan diri daripada dicabuli, menggerunkan orang yang bercita-cita untuk melakukan jenayah bunuh atau cedera, menghalang orang yang pernah melakukannya agar tidak mengulangnya. Hal ini adalah hikmah umum dan maslahat jelas yang dipelihara oleh syarak.

#### 4.1 Sorotan Teori Hifz al-Nafs

Teori ialah pendapat yang telah teruji kebenarannya secara empiris dan diperlukan sebagai pegangan utama secara umumnya (Tjetjep Samsuri 2003). Pengertian ini bermaksud suatu sumber asas dan punca kuasa utama dalam mendasari sesuatu ilmu. Teori di dalam bidang pengajian Islam adalah tidak sama dengan teori-teori yang dimaksudkan dalam kajian sains sosial daripada kebanyakan penyelidikan. Hal ini

adalah kerana, setiap teori dalam pengajian Islam itu merupakan sumber utama yang diambil daripada al-Quran dan al-Sunnah dan sudah pastinya tidak memerlukan kepada ujian bagi memastikan kebenarannya. Sesungguhnya setiap apa yang diturunkan oleh Allah SWT di dalam kitab sucinya al-Quran al-Karim dan sandarannya pula daripada *al-Sunnah al-Nabawiyat* itu perlu dipatuhi tanpa dikritik kerana ia adalah bukti orang yang beriman. Namun begitu, sekiranya sesuatu teori itu adalah berasaskan daripada sandaran dalil yang umum mahupun *zanni* (samar-samar), maka ia sentiasa terbuka untuk kajian bagi memastikan ketepatan teori tersebut.

*Hifz al-Nafs* merupakan teori utama yang menjadi perbincangan dalam kajian ini. Teori ini adalah cabang daripada pecahan ilmu *Maqasid Syari'at* yang telah mula diperkenalkan oleh Abu Hassan al-Amiri (381 H) dalam bukunya yang masyhur *al-I'lam* (Mustaqim Roslan 2012). Walaupun kemunculan ilmu *Maqasid Syari'at* secara istilahnya tidaklah dipopularkan oleh beliau, namun perbincangan tentang pecahan-pecahan ilmu tersebut telah lama diperkenalkan oleh beliau dengan susunan awalnya ialah *Hifz al-Nafs*, *Hifz al-Mal*, *Hifz al-Nasl*, *Hifz al-'Ird* dan *Hifz al-Din* (Sai'd Halim 2010). Ketika itu beliau tidak meletakkan *Hifz al-'Aql* sebagai pecahan *Maqasid Syari'at* (Sai'd Halim 2010). Sumber-sumber utama yang menjadi penyokong kepada teori-teori ini ialah daripada al-Quran dan al-Sunnah itu sendiri. Hal ini bermaksud bahawa perbincangan semua teori yang dibawa oleh Abu Hassan al-Amiri ini telah berkurun lamanya wujud di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Namun kemunculannya hanyalah dari sudut perbincangan dan ia dikembangkan menjadi satu disiplin ilmu sehingga munculnya teori *Hifz al-Nafs*, *Hifz al-Mal*, *Hifz al-Nasl*, *Hifz al-'Ird* dan *Hifz al-Din*.

Memandangkan kajian ini berfokus kepada satu teori sahaja iaitu *Hifz al-Nafs*, maka kajian ini mendasari teori ini semampu mungkin dengan menyoroti literatur-literatur lepas yang telah menggunakan teori ini dalam penulisan mereka. Hal ini penting agar kajian ini memperoleh maklumat-maklumat berkaitan teori yang telah digunakan selepas al-Amiri (381 H). Secara analoginya, teori ini ibarat nakhoda kapal yang memandu kajian ini agar benar-benar mengikut arah angin bagi mencapai matlamat dan destinasiya. Seperti yang telah dihuraikan bahawa literatur-literatur lepas telah membuktikan teori *Hifz al-Nafs* yang disusun aturkan oleh al-Amiri (381 H) adalah rumusan dalil-dalil utama daripada kitab suci al-Quran dan al-Sunnah. Antara dalil-dalil yang menjadi asas keutamaan dalam teori ini adalah seperti berikut:

#### I. Surah al-Ma'idat:

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Kami telah menetapkan bagi mereka di dalamnya (Taurat) bahawa nyawa (dibalas) dengan nyawa, mata dengan mata, hidung dengan hidung, telinga dengan telinga, gigi dengan gigi, dan luka-luka (pun) ada qisas-nya (balasan yang sama). Barang sesiapa melepaskan (hak qisas)nya, maka itu (menjadi) penebus dosa baginya. Barang sesiapa tidak memutuskan perkara menurut apa yang diturunkan Allah SWT, maka mereka itulah orang-orang zalim”. (Q.S. Al-Ma'idat: 5: 45)

II. Surah al-Baqarat:

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan dalam qisas itu ada (jaminan) kehidupan bagimu, wahai orang-orang yang berakal, agar kamu bertakwa”. (Q.S. Al-Baqarat: 2: 179)

III. Surah al-Isra’:

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu membunuh anak-anakmu kerana takut miskin. Kamilah yang memberi rezeki kepada mereka dan kepadamu. Membunuh mereka itu sungguh suatu dosa yang besar”. (Q.S. Al-Isra’: 17: 31)

IV. Hadis Riwayat Bukhari:

Sabda Nabi SAW yang bermaksud:

“Telah menceritakan kepada kami ‘Abdullah bin ‘Abdul Wahhab telah menceritakan kepada kami Khalid bin al-Harith telah menceritakan kepada kami Syu’bat daripada Sulayman dia berkata: saya mendengar Dhakwan menceritakan daripada Abu Hurayrat RA daripada Nabi SAW beliau bersabda: "Barang sesiapa menjatuhkan diri dari gunung, hingga membunuh jiwanya (bunuh diri), maka ia akan jatuh ke neraka Jahanam, ia kekal serta abadi di dalamnya selama-lamanya. Barang sesiapa meneguk racun, hingga meninggal dunia, maka racun tersebut akan berada di tangannya, dan ia akan meneguknya di neraka Jahanam, ia kekal serta abadi di dalamnya selama-lamanya. Dan barang sesiapa membunuh diri dengan (menusuk dirinya dengan) besi, maka besi itu akan ada di tangannya, dengannya ia akan menghujamkan ke perutnya di neraka Jahanam, ia kekal dan abadi di dalamnya selama-lamanya”. (H.R. Bukhari: 5778).

Hal ini membuktikan bahawa teori yang diperkenalkan oleh al-Amiri (381 H) ketika itu bukanlah bersifat *‘aqliyat* dan mengada-adakan tanpa bukti asas yang kuat daripada al-Quran dan al-Sunnah. Perbincangan tentang teori *Hifz al-Nafs* ini akan dihuraikan dengan lebih terperinci dalam bab seterusnya iaitu bab tiga. Menurut Sai’d Halim (2010), al-Amiri (381 H) merupakan ilmuan pertama yang telah menghadkan perkara-perkara *daruriyat* dalam *Maqasid Syari’at* dengan menyusun-aturkannya kepada lima pecahan tanpa dimasukkan *Hifz al-‘Aql*. Oleh itu, menurut literatur-literatur lepas bahawa teori ini telah muncul pada kurun ketiga Hijrah secara *qat’i* pada sudut istilah. Namun perbincangannya telah muncul lama tatkala turunnya al-Quran dan al-Sunnah di samping perbincangannya secara tidak langsung oleh ilmuan-ilmuan Islam sebelumnya. Hal ini dapat dibuktikan dengan penulisan-penulisan ulama mazhab dalam perundangan Islam tatkala mereka menitikberatkan teori *Hifz al-Nafs* dalam hukuman qisas, *diyat*, keharusan mengambil yang haram pada waktu darurat dan sebagainya.

Teori ini mula digunakan dan dibincangkan serta diperincikan secara meluas oleh kebanyakan ilmuan Islam selepasnya bermula kurun keempat Hijrah. Hal ini dapat dibuktikan dengan munculnya pelbagai penulisan daripada cendekiawan-cendekiawan Islam membincangkan dan menghuraikan lagi teori ini sehinggalah ia

berkembang menjadi suatu ilmu yang *mustaqil* pada zaman al-Syatibi (790 H). Antara ilmuan Islam yang datang selepas al-Amiri (381 H) dan memberikan sumbangan dalam memperkembangkan teori ini adalah seperti al-Juwayni (478 H), al-Ghazali (505 H), al-Razi (606 H), al-Amidi (631 H), al-Qarafi (684 H), al-Baydawi (685 H), al-Subki (771 H) dan al-Zarkasyi (794 H) (Mustaqim Roslan 2012). Walaupun mereka berbeza dalam penyusunan teori dalam keutamaan *daruriyat*, namun teori *Hifz al-Nafs* itu tetap kekal berada dalam pecahan yang wajib ada dalam perundangan Islam.

Sebagai contohnya dalam penulisan *al-Burhan fi Usul al-Fiqh* oleh al-Juwayni (1399), beliau menggunakan teori *Hifz al-Nafs* dan meletakkannya dalam tertib kedua selepas *Hifz al-Din* dengan susunannya yang lengkap, *Hifz al-Din*, *Hifz al-Nafs*, *Hifz al-'Aql*, *Hifz al-Nasl* dan *Hifz al-Mal*. Begitu juga susunan al-Ghazali (2008) dalam penulisannya *al-Mustasfa min 'ilmi al-Usul* yang mana beliau mengutamakan teori *Hifz al-Nafs* dalam tertib kedua dengan susunannya *Hifz al-Din*, *Hifz al-Nafs*, *Hifz al-'Aql*, *Hifz al-Nasl* dan *Hifz al-Mal*. Jika melihat kepada penulisan-penulisan ahli *Usul al-Fiqh*, susunan yang dibawa dan diperkenalkan oleh al-Ghazali ini banyak diikuti dan diguna pakai oleh mereka (Ahmad Raysuni 1995). Menurut al-Razi (2012) pula dalam penulisannya *al-Mahsul fi 'Ilmi al-Usul*, beliau sedikit berbeza dengan ahli *usul* yang lain kerana telah menggunakan teori *Hifz al-Nafs* dan meletakkannya sebagai susunan utama mendahului *Hifz al-Mal*, *Hifz al-Nasl*, *Hifz al-Din* dan *Hifz al-'Aql*.

Al-Amidi (1991) juga tidak terkecuali dengan turut menggunakan teori ini dalam *al-Ihkam fi Usul al-Ahkam* dan meletakkannya di susunan kedua iaitu dimulai dengan *Hifz al-Din*, *Hifz al-Nafs*, *Hifz al-Nasl*, *Hifz al-'Aql* dan *Hifz al-Mal*. Seterusnya diikuti oleh anak muridnya, iaitu al-Qarafi (2011) dalam penulisannya *Syarh Tanqih al-Fusul*. Beliau sedikit berbeza dengan gurunya iaitu mendahului *Hifz al-Nafs* daripada *Hifz al-Din* dan kemudian barulah disusuli dengan *Hifz al-Nasl*, *Hifz al-'Aql* dan *Hifz al-'Ird*. Menurut al-Baydawi (2016) pula dalam penulisannya *Minhaj al-Wusul ila 'Ilmi al-Usul*, beliau turut menggunakan teori *Hifz al-Nafs* ini dengan menjadikan ia sebagai keutamaan dalam hal *daruriyat*. Hal ini menjadikan susunannya adalah dimulai dengan *Hifz al-Nafs*, *Hifz al-Din*, *Hifz al-'Aql*, *Hifz al-Mal* dan *Hifz al-Nasab*.

Adapun menurut al-Subki (2011) dalam penulisannya *Jam' u al-Jawamir*, beliau turut menggunakan teori *Hifz al-Nafs* dalam enam pecahan *daruriyat* dan ini menjadikannya sedikit berbeza dengan bilangan *daruriyat* oleh ahli *usul* selainnya. Beliau menyusun pecahannya dengan *Hifz al-Din*, *Hifz al-Nafs*, *Hifz al-'Aql*, *Hifz al-Nasab*, *Hifz al-Mal* dan *Hifz al-'Ird*. Hal ini bererti, al-Subki telah membezakan di antara *Hifz al-Nasab* dengan *Hifz al-'Ird* sehingga menjadikan enam perkara dalam penyusunan *daruriyat* ini. Dan yang terakhirnya dalam fasa ini ialah al-Zarkasyi (1993) dengan penulisannya *al-Bahr al-Mughith*. Beliau turut menggunakan teori *Hifz al-Nafs* dan meletakkannya sebagai keutamaan iaitu mendahului *Hifz al-Mal*, *Hifz al-Nasab*, *Hifz al-Din* dan *Hifz al-'Aql*.

Perkembangan teori *Hifz al-Nafs* ini telah diperluaskan penggunaannya bermula pada kurun keempat hinggalah kurun ketujuh Hijrah dalam penulisan-penulisan ahli *Fiqh* dan *Usul*. Namun, teori *Hifz al-Nafs* ini tidaklah terhenti pada kurun ini sahaja, bahkan ia telah memasuki satu fasa yang lebih besar pada zaman al-Syatibi (790 H) pada kurun kelapan hijrah. Hal ini bermaksud, al-Syatibi telah memperluaskan lagi teori sedia ada sehinggalah menjadikan ilmu *Maqasid Syari'at* sebagai satu ilmu yang *mustaqil* oleh beliau dalam penulisannya yang masyhur *al-Muwafaqat fi Usul al-Syari'at* (Mustaqim Roslan 2012). Buku ini ditulis setengah abad sebelum runtuhnya kota Granada, wilayah umat Islam yang paling akhir di Andalusia, Sepanyol. Walaupun al-Syatibi merupakan ilmuan pertama yang memperkenalkan

ilmu *Maqasid Syari'at* itu, namun beliau tidak pernah mendefinisikan istilah *Maqasid Syari'at* itu sendiri dalam bukunya. Hal ini mungkin disebabkan beliau berasakan bahawa umum sudah memahaminya ('Iwadh Al-Qarni 2013).

Dalam *al-Muwafaqat* ini, al-Syatibi (1997) telah membahagikan tiga bahagian masalahat iaitu *daruriyat*, *hajiyat* dan *tahsiniyat*. Bagi peringkat pertama, al-Syatibi turut menggunakan teori *Hifz al-Nafs* dan menjadikannya sebagai pecahan utama dalam hal *daruriyat*. Hal ini menjadikan susunannya adalah dimulai dengan *Hifz al-Din*, *Hifz al-Nafs*, *Hifz al-'Aql*, *Hifz al-Nasl* dan *Hifz al-Mal* (Al-Syatibi 1997). Teori *Hifz al-Nafs* ini kekal digunakan pada kurun kelapan Hijrah dan membuktikan bahawa ia adalah relevan dalam perundangan Islam ketika itu. Namun begitu, setelah runtuhnya kota Granada di Andalusia, Sepanyol, karya besar al-Syatibi ini mula terkubur lamanya begitu sahaja dan tidak diwarisi oleh generasi selepasnya hampir enam kurun lamanya (Ahmad Raysuni 1995).

Pada kurun ke-14 Hijrah, seorang ilmuan dari Tunisia yang bernama Muhammad Tahir Ibnu 'Asyur (1393 H) mula memanfaatkan kembali karya al-Syatibi dengan kajian yang mendalam dalam penulisannya *Maqasid Syari'at Islamiyat* (Ahmad Raysuni 1995). Hal ini secara tidak langsung menjadikan teori *Hifz al-Nafs* itu bersinar kembali dari sudut perbincangannya yang lebih meluas dengan lahirnya banyak penulisan berkaitan dengannya oleh ahli-ahli *maqasid* selepasnya seperti Muhammad 'Ilal al-Fasi, al-Yubi, al-Khadimi dan selainnya. Perkembangan teori ini diteruskan hinggalah pada hari ini, diwarisi dan didokong ilmunya dengan lebih meluas pada zaman kontemporari ini oleh Ahmad Raysuni. Beliau merupakan ilmuan Islam Morocco dan berkhidmat sebagai Profesor Syariah di Universiti Morocco, seterusnya dilantik sebagai Rektor Universiti di sana. Beliau berkelulusan Doktor Falsafah dengan tajuk kajiannya berkaitan *maqasid* iaitu *Nazariyat al-Maqasid 'inda Imam al-Syatibi* di Morocco. Selepas itu, teori ini diperluaskan lagi oleh beliau dalam banyak karya *maqasid* yang ditulis antaranya ialah, *Madkhal ila Maqasid al-Syari'at*, *al-Ijtihad wa al-Nas wa al-Maslahat wa al-Waqi'*, *Nazariyat al-Taqrif wa al-Taghlib fi al-'Ulum al-Islamiyat*, *Min 'Alam al-Fikr al-Maqasidi*, *al-Kuliyat al-Assasiyat al-Syari'at al-Islamiyat* dan *al-Fikr al-Maqasidi Qawa'iduha wa Fawa'iduha* (Mustaqim Roslan 2012).

Dengan perkembangan penulisan-penulisan yang ditulis oleh Ahmad Raysuni ini, maka kajian-kajian universiti dari dalam dan luar negara kebanyakannya memperluaskan bidang ilmu ini. Hal ini secara tidak langsung menjadikan teori *Hifz al-Nafs* itu sebagai teori yang diguna pakai dalam kajian kontemporari hari ini. Tidak kiralah kajian itu daripada artikel jurnal, kertas kerja persidangan dan seminar mahupun penyelidikan universiti, semuanya memberikan sumbangan dalam mengukuhkan lagi teori *Hifz al-Nafs* dalam kajian-kajian mereka. Bagi membuktikan keutuhan teori *Hifz al-Nafs* yang diguna pakai oleh pengkaji-pengkaji lepas, maka kajian ini telah menyoroti beberapa kajian yang paling hampir dengan tempoh kajian ini dilaksanakan. Kajian-kajian ini adalah penyelidikan yang dilaksanakan dalam tempoh empat tahun terhampir dengan kajian ini. Hal ini adalah berikutan berkembangnya penyelidikan akademik dengan menggunakan teori *Hifz al-Nafs* dalam tempoh tersebut.

Kajian ini mulakan dengan menyoroti satu artikel jurnal oleh Muhammad Latiffi Mahadzir, Shaik Abdullah Hassan Mydin, Mohd Afifuddin Mohamad dan Rafidah Ramya@Abd Rahim yang berjudul "*Pembangunan Jiwa Berasaskan Konsep al-Nafs Menurut Perspektif Ibnu Bajjah*". Artikel ini merupakan jurnal Usuluddin 47 (khas) yang diterbitkan pada tahun 2019. Objektif kajian ini ialah meneliti latar

belakang dan sejarah hidup Ibnu Bajjah, menjelaskan tentang konsep *al-Nafs* menurut perspektif Islam dan menerangkan tentang proses pembangunan jiwa menurut pandangan Ibnu Bajjah mengikut konsep *al-Nafs*. Dengan menggunakan reka bentuk kualitatif dan strategi biografi, kajian ini telah mengadaptasikan kaedah analisis dokumen dengan merujuk kepada al-Quran dan al-Sunnah, buku Ibnu Bajjah, buku-buku ilmiah dan penulisan-penulisan akademik. Analisis kandungan dokumen digunakan sebagai kaedah analisis data dan hasil dapatannya menunjukkan Ibnu Bajjah merupakan tokoh pemikir yang menghuraikan tentang konsep *al-Nafs* daripada sudut ilmu, pemikiran dan tauhid. Selain itu juga, Ibnu Bajjah menekankan tentang kepentingan proses pembangunan jiwa berasaskan konsep *al-Nafs* bagi melahirkan hubungan antara hamba yang dicipta dengan pencipta. Kajian ini menggunakan teori *Hifz al-Nafs* secara tidak langsung sebagai perbincangan utama dan melihat bagaimana tokoh yang bernama Ibnu Bajjah sangat menitikberatkan konsep *al-Nafs* dalam pembangunan jiwa bagi melahirkan hubungan antara pencipta dan hambanya.

Selain itu, terdapat juga satu artikel jurnal pada tahun 2019 daripada *International Journal of Business Economics and Law* berjudul “Aplikasi *Maqasid Syari’at* dalam Sistem Pendidikan di Malaysia: Pembelajaran Abad Ke-21”. Kajian ini ditulis oleh Zubair Amir Nur Rashid, Nur Mardia Mazri, Mohd Fuad Md Sawari dan Nan Noorhidayu Megat Laksamana. Objektif kajian ini ialah mengkaji aplikasi *Maqasid Syari’at* dalam sistem yang baru diperkenalkan dalam pendidikan di Malaysia iaitu PAK-21. Penyelidikan secara induktif merupakan kaedah yang digunakan dalam kajian ini. Pengaplikasian terhadap kaedah analisis dokumen pula turut digunakan dengan menghimpunkan data-data daripada Kementerian Pendidikan Malaysia berkaitan PAK-21 di samping mengetengahkan dalil-dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah serta pandangan tokoh-tokoh tertentu seperti Ibnu ‘Asyur, al-Yubi dan tokoh agamawan yang lain bagi membantu perbahasan aplikasi *Maqasid Syari’at* dalam sistem pendidikan di Malaysia. Data-data yang telah dikumpulkan dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan dokumen. Hasil dapatan kajian menunjukkan PAK-21 ini menerapkan elemen dan nilai-nilai murni serta aplikasi *Maqasid Syari’at* yang baik khususnya daripada aspek *Hifz al-‘Aql* iaitu penjagaan akal. Standard kemahiran, kurikulum kebangsaan, pengurusan bilik darjah abad ke-21, serta ciri-ciri murid PAK-21 yang diperkenalkan dilihat sangat bertepatan dengan konsep *Maqasid Syari’at*. Kajian ini turut menggunakan teori *Hifz al-Nafs* secara tidak langsung dalam menganalisis sistem baharu dalam pendidikan iaitu pembelajaran Abad ke-21 selain daripada teori-teori *maqasid* yang lain khususnya teori *Hifz al-‘Aql*.

Satu artikel jurnal bertajuk “*Fatwa dan Sains Perubatan Moden Menurut Perspektif Maqasid Syari’at*” turut disoroti dalam kajian ini. Artikel ini diterbitkan pada tahun 2019 oleh *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. Penulis-penulis kajian ini ialah Arief Sallah Rosman, Nurulhidayah Ahmad Fadzillah, Zulkiflee Haron, Mohd Nasir Ripin, Aminuddin Hehsan, Mifedwil Jandra dan Nor Azwa Omar Jamli. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis hubungan sains perubatan dengan *Maqasid Syari’at* dan menganalisis aplikasi *Maqasid Syari’at* dalam fatwa dan sains perubatan moden. Reka bentuk kajian kualitatif digunakan dalam kajian ini dan kaedah analisis dokumen pula digunakan dengan merujuk kepada al-Quran dan al-Sunnah, buku-buku ilmiah dan artikel-artikel akademik yang berkaitan. Analisis kandungan dokumen digunakan dalam menganalisis data-data yang telah diperolehi dan hasil dapatan menunjukkan sains perubatan mempunyai hubungan yang

signifikan dengan pencapaian *Maqasid Syari'at*. Sains perubatan yang berteraskan syariat Islam dapat memenuhi lima keperluan asasi yang menjadi teras kepada *Maqasid Syari'at*. Sains perubatan juga menjadi teras bagi memelihara keselamatan nyawa manusia. Kajian ini menggunakan teori *Hifz al-Nafs* secara tidak langsung selain daripada teori-teori yang lain dalam menganalisis pengaplikasiannya dalam sains perubatan.

Satu artikel jurnal bertajuk "*Tazkiyat al-Nafs dalam Kerangka Maqasid Syari'at*" turut disoroti dalam kajian ini. Artikel ini disempurnakan oleh Abu Dardaa Mohamad, Salasiah Hanin Hamjah, Ahmad Irdha Mokhtar dan Mohamad Zulkifli Abd Ghani dalam Jurnal al-Hikmah pada tahun 2017. Objektif kajian ini ialah untuk menjelaskan konsep *tazkiyat al-nafs*, seterusnya konsep *Maqasid Syari'at* itu sendiri secara umum dan *Hifz al-Nafs* secara khusus bagi melihat keberadaan *tazkiyat al-nafs* dalam kerangka *Maqasid Syari'at*. Kajian kualitatif digunakan sebagai reka bentuk kajian ini dan data-data pula dikumpulkan dengan menggunakan kaedah analisis dokumen. Antara dokumen yang dirujuk adalah bahan-bahan yang terdapat di perpustakaan khususnya data primer tentang konsep *tazkiyat al-nafs* dan juga *Maqasid Syari'at*. Analisis kandungan dokumen digunakan untuk menganalisis data dan hasil dapatan kajian menunjukkan *tazkiyat al-nafs* ialah salah satu cabang *Maqasid Syari'at* yang terkandung dalam *Hifz al-Nafs*. Kajian ini menggunakan teori *Hifz al-Nafs* secara tidak langsung untuk membuat analisis sama ada *tazkiyat al-nafs* itu merupakan salah satu cabang daripada teori ini ataupun tidak. Maka kajian ini membuktikan bahawa *tazkiyat al-nafs* itu adalah sebahagian daripada teori ini dalam kerangka *Maqasid Syari'at*.

Dan yang terakhirnya ialah kajian Faizatul Najihah Mohd Azaman dan Faudzinaim Badaruddin yang turut tidak terkecuali dalam memberikan sumbangannya dalam kajian mereka yang berjudul "*Nilai-Nilai Kerohanian dalam Pembangunan Modal Insan Menurut al-Ghazali*". Kajian ini diterbitkan pada tahun 2016 dalam *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. Objektif kajian ini ialah untuk menganalisis elemen pembangunan modal insan menurut al-Ghazali. Kajian ini mengaplikasikan reka bentuk kualitatif dengan kajian kepustakaan menerusi sumber primer dan sekunder selain mendapatkan pandangan serta pengesahan daripada tiga pakar yang terlibat dalam bidang psikologi dan tasawuf. Data-data kajian dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan dokumen yang mana hasilnya dikategorikan mengikut kaedah tematik. Dapatan kajian mendapati terdapat tiga tema pembangunan modal insan al-Ghazali. Pertama, pembangunan modal insan beliau mempunyai tiga ciri. Ciri yang pertama adalah keseimbangan pembangunan rohani dan jasmani. Kedua, komponen rohani yang mempunyai empat bahagian iaitu roh, nafs, *qalb* dan akal. Ketiga, hubungan manusia dengan Allah SWT yang melibatkan ilmu dan hubungan sesama manusia yang melibatkan amal. Tema kedua adalah kerangka pembangunan modal insan yang mengutamakan Islam, iman dan ihsan. Tema ketiga, adalah nilai-nilai kerohanian iaitu terdapat nilai positif dan negatif. Kajian ini menggunakan teori *Hifz al-Nafs* secara tidak langsung dalam membuat analisis terhadap nilai-nilai pembangunan modal insan. Seorang ulama tersohor dikaji pemikirannya untuk memperincikan elemen-elemen tersebut.

## 5.0 Kesimpulan

Tuntasnya, dapatlah dirumuskan berkaitan kronologi penggunaan teori *Hifz al-Nafs* ini adalah seperti berikut:

- I. Teori *Hifz al-Nafs* telah muncul secara tidak langsung di dalam al-Quran dan al-Sunnah dari sudut perbahasannya tanpa ada satu istilah khusus bermula turunya al-Quran hinggalah pada kurun ketiga Hijrah.
- II. Istilah *Hifz al-Nafs* mula diperkenalkan oleh al-Amiri (380 H) pada kurun keempat Hijrah dengan sokongan sumber-sumber primer daripada al-Quran dan al-Sunnah. Selain itu, beliau turut mengatur teori lainnya seperti *Hifz al-Mal*, *Hifz al-Nasl*, *Hifz al-'Ird* dan *Hifz al-Din*.
- III. Bermula pada kurun kelima Hijrah hingga kurun kelapan Hijrah, perkembangan teori ini diteruskan oleh kebanyakan ahli-ahli *Usul Fiqh* seperti al-Juwayni (478 H), al-Ghazali (505 H), al-Razi (606 H), al-Amidi (631 H), al-Qarafi (684 H), al-Baydawi (685 H), al-Subki (771 H) dan al-Zarkasyi (794 H) dalam penulisan-penulisan mereka.
- IV. Teori ini dikhususkan dalam satu ilmu yang baharu pada kurun kelapan Hijrah oleh al-Syatibi (790 H). Ilmu ini merupakan cabang daripada ilmu *Usul Fiqh* yang diistilahkan sebagai *Maqasid Syari'at*.
- V. Setelah runtuhnya kota Granada di Andalusia, Sepanyol, karya al-Syatibi (790 H) mula terkubur hampir enam kurun lamanya dan telah mula diperkenalkan semula oleh seorang ilmuan dari Tunisia yang bernama Muhammad Tahir Ibnu 'Asyur (1393 H) dan beliau memanfaatkan kembali karya al-Syatibi (790 H) dengan kajian yang mendalam dalam penulisannya *Maqasid Syari'at Islamiyat*.
- VI. Daripada penulisan Ibnu 'Asyur itu, maka bermulalah perkembangan teori ini secara tidak langsung diikuti oleh ilmuan-ilmuan *maqasid* seperti 'Ilal al-Fasi, al-Yubi, al-Khadimi dan lain-lain sehinggalah pada zaman kontemporari oleh Ahmad Raysuni dengan penulisan dan kajian-kajiannya tentang *Maqasid Syari'at*.
- VII. Teori *Hifz al-Nafs* secara tidak langsung diguna pakai dalam kajian-kajian penyelidikan di seluruh dunia khususnya dalam bidang akademik. Bukan itu sahaja, ahli-ahli politik, ekonomi, perniagaan, perundangan dan kebanyakan cabang industri pada hari ini memperluaskan penggunaannya agar ia selari dengan kehendak syarak.

### Rujukan

- 'Iwadh Al-Qarni, M. (2013). *Al-Mukhtasar al-Wajiz fi Maqasid al-Tasyri'*. 2<sup>nd</sup> ed. Dar al-Andalus al-Khadra', Jeddah.
- Aay Siti Raohatul, H. (2020). *Formula Pemeliharaan Jiwa (Hifz al-Nafs) Pada Undang-Undang Nomor 16 Tahun 2019*. Jurnal Islamic Revie: Jurnal Riset dan Kajian Keislaman. IPMAFA Press.
- Ahmad Raysuni. (1995). *Nazariyat al-Maqasid 'inda Imam al-Syatibi*. 4<sup>th</sup> ed. Al-Ma'had al-'Alami li al-Fikr al-Islami, Herondon.
- Al-Amidi, A. H. (1991). *Al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*. n.d. Muassasat al-Halabi, Kairo.
- Al-Baydawi, U. M. (2016). *Minhaj al-Wusul ila 'Ilmi al-Usul*. 1<sup>st</sup> ed. Dar al-Mustafa, Damsyiq.
- Al-Ghazali, A. H. (2008). *Al-Mustasfa*. n.d. Dar al-Kutub 'Ilmiyat.

- Al-Juwayni, A. M. (1978). *Al-Burhan fi Usul al-Fiqh*. 1<sup>st</sup> ed. Qatar.
- Al-Juwayni, A. M. (2003). *Mughith al-Khalq fi Tarjih al-Qawl al-Haq*. n.d. Al-Matba'at al-'Asyriat, Beirut.
- Al-Qarafi, S. (2011). *Syarh Tanqih al-Fusul*. 1<sup>st</sup> ed. Maktabat al-Kuliyat al-Azhariyat, Kairo.
- Al-Raysuni, A. (1995). *Nazariyat al-Maqasid 'inda Imam al-Syatibi*. 4<sup>th</sup> ed. Al-Ma'had al-'Alami li al-Fikr al-Islami, Herondon.
- Al-Razi, F. (2012). *Al-Mahsul fi 'Ilmi al-Usul*. 1<sup>st</sup> ed. Dar Kutub al-'Ilmiat.
- Al-Subki, T. (2011). *Jam'u al-Jawami'*. 1<sup>st</sup> ed. Dar Ibnu Hazm Beirut, Lubnan.
- Al-Syatibi, A. I. (1997). *Al-Muwafaqat fi Usul al-Syari'at*. n.d. Dar al-Ma'rifat, Beirut.
- Al-Zarkasyi, B. M. (1993). *Al-Bahr al-Mughith*. n.d. Wizarat al-Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyat, Kuwait.
- Arief Sallah, R., Nurulhidayah, A. F., Zulkiflee, H., Mohd Nasir, R., Aminuddin, H., Mifedwil, J. & Nor Azwa, O. J. (2019). *Fatwa dan Sains Perubatan Moden Menurut Perspektif Maqasid Syari'at*. International Journal of Islamic and Civilizational Studies. Universiti Teknologi Mara (UTM).
- Bin Roslan, M. M. (2023). *Hubungan Kesan Psikologi dan Masalah Sosial dengan Teori Hifz Al-Nafs dalam Fatwa Penamaan Nasab Anak Tak Sah Taraf: Analisis Fatwa Kebangsaan: The Relationship of Psychological Effects and Social Problems with Hifz Al-Nafs Theory in The Fatwa on the Named Lineage of Illegitimate Children: National Fatwa Analysis*. Jurnal Pengajian Islam, 16(1), 86–100. <https://doi.org/10.53840/jpi.v16i1.240>
- Ibnu Manzur, A. A. (2012). *Lisan 'Arabi*. n.d. Dar al-Tawfiq li al-Turath, Kairo.
- Kamus Dewan Bahasa. (2012). 4<sup>th</sup> ed. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Krippendorff. (2004)., & White. & Marsh. (2006). *Content Analysis: a Flexible Methodology*. 1<sup>st</sup> ed. Library Trend, University of Illinois at Urbana Champaign.
- M., M. R. (2024). *Kaedah Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dan Kesannya Kepada Murid Tahap Satu: Analisis Subjek Pendidikan Islam/ Classroom Assessment Method (PBD) And Its Impact On Level One Pupils: Analysis Of Islamic Education Subjects*. UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies, 11(1), 63–78. <https://doi.org/10.11113/umran2024.11n1.678>
- M. R. , M., & O.Z., A. (2022). *Garis Panduan Terhadap Penerapan Maqasid Syariah dalam Fatwa: Analisis Ijtihad Maqasidi*. Al-Takamul Al-Ma'rifi, 5(2), 1–11. Retrieved from: <http://devojs.usas.edu.my/altakamul/index.php/altakmulfiles/article/view/108>
- Mohamad, A. D., Hamjah, S. H., Mokhtar, A. I., & Abd Ghani, M. Z. (2017). *Tazkiyat al-Nafs dalam Kerangka Maqasid Syari'at*. Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Mohd Azman, F. N. (2016). *Nilai-Nilai Kerohanian dalam Pembangunan Modal Insan menurut al-Ghazali*. Jurnal Of Islamic And Civilisational Studies. Vol. 3 No. 1. Universiti Teknologi Malaysia (UTM).
- Muhammad Latiffi, M., Shaik Abdullah, H. M., Mohd Afifuddin, M. & Rafidah, R. (2019). *Pembangunan Jiwa Berasaskan Konsep al-Nafs Menurut Perspektif Ibn Bajjah*. Jurnal Usuluddin 47. Universiti Sains Malaysia (USM).
- Muslim, M. S. (2016). *Varian-Varian Paradigma, Pendekatan, Metode, dan Jenis Penelitian dalam Ilmu Komunikasi*. Wahana. Vol. 1 No. 10. Universitas Pakuan, Indonesia.

- Mustaqim Roslan, M. (2012). *Masalih al-Mursalat dan kaitannya dengan Maqasid al-Syari'at: Kajian Perbandingan antara Imam 'Izzuddin Abd. Salam & Imam Al-Syatibi*. (Postgraduate Thesis). Universiti Sidi Abdellah Fes, Morocco.
- Mustaqim Roslan, M. (2023). *Hifz al-Nafs dalam Fatwa Penamaan Nasab Anak Tak Sah Taraf di Malaysia: Analisis Kesan Psikologi dan Masalah Sosial*. (Postgraduate Thesis). Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Kuala Kangsar – Perak Darul Ridzuan.
- Roslan, M. M. (2023). Symptoms of Social Problems Regarding the Named Lineage of Illegitimate Children to Abdullah: National Fatwa Analysis. *Firdaus Journal*, 3(1), 39–50. Retrieved from: <https://doi.org/10.37134/firdaus.vol3.1.5.2023>
- Roslan, M. M. (2023). Metodologi Pendalilan terhadap Fatwa Pensabitan Nasab Anak Tak Sah Taraf di Malaysia: Analisis Penamaan kepada Abdullah: Argument Methodology Against Fatwa Conviction of Illegitimate Children's Lineage in Malaysia: Analysis of the Appointment Name to Abdullah. *Journal of Muwafaqat*, 6(2), 19–34. Retrieved from: <https://doi.org/10.53840/muwafaqat.v6i2.140>
- Roslan, M. M., & Zainuri, A. O. . (2023). Kekhilafan Menerapkan Maqasid Syari'ah Dalam Pengeluaran Fatwa: Analisis Ijtihad Maqasidi: Arguments In Applying Maqasid Syari'ah In The Fatwa Issuance: An Ijtihad Maqasidi Analysis. *Journal of Fatwa Management and Research*, 28(1), 132-148. Retrieved from: <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol28no1.464>
- Roslan, M. M. (2022). The Problem of Depression Regarding the Namement of Illegitimate Children's Lineage to Abdullah: National Fatwa analysis. *Firdaus Journal*, 2(2), 31–42. Retrieved from: <https://doi.org/10.37134/firdaus.vol2.2.4.2022>
- Roslan, M. M., & Osman Zainuri, A. (2023). Teori Hifz Al-Nafs Dalam Maqasid Syariah: Analisis Pendalilan: The Theory of Hifz Al-Nafs In Maqasid Syariah: Argumentation Analysis. *Journal of Muwafaqat*, 6(1), 1–13. Retrieved from: <https://doi.org/10.53840/muwafaqat.v6i1.121>
- Roslan, M. M. (2023). Metodologi Pendalilan terhadap Fatwa Pensabitan Nasab Anak Tak Sah Taraf di Malaysia: Analisis Penamaan kepada Abdullah: Argument Methodology Against Fatwa Conviction of Illegitimate Children's Lineage in Malaysia: Analysis of the Appointment Name to Abdullah. *Journal of Muwafaqat*, 6(2), 19–34. Retrieved from: <https://doi.org/10.53840/muwafaqat.v6i2.140>
- Roslan, M. M. (2023). Pendalilan Teori Hifz Al-Nafs dalam Maqasid Syari'At: Analisis Surah-Surah Pilihan: [Argumentation of Hifz Al-Nafs Theory in Maqasid Syari'at: An Analysis from Selected Surahs]. *KQT EJurnal*, 3(2), 1–12. Retrieved from: <http://ejurnal.kqt.edu.my/index.php/kqt-ojs/article/view/74>
- Roslan, M. M., & Osman Zainuri, A. (2023). Hubungan Tahap Kefahaman dan Pengamalan Solat Fardu Terhadap Hasil Pembelajaran Kursus Fiqh al-Ibadat dalam Kalangan Pelajar-Pelajar Universiti Sultan Azlan Shah (USAS). *Al-Takamul Al-Ma'rifi*, 6(1), 1–12. Retrieved from: <http://devojs.usas.edu.my/altakumul/index.php/altakmulfiles/article/view/139>
- Roslan, M. M., & H., Z.- kifli. (2022). The Relationship Between Psychological Effects and Social Crisis for Illegitimate Children: An Analysis in Their Name Title. *Al-Takamul Al-Ma'rifi*, 5(2), 1–12. Retrieved from <http://devojs.usas.edu.my/altakumul/index.php/altakmulfiles/article/view/102>

- Ruslan Fariadi. (2019). *Menggagas Fikih Lalu Lintas Perspektif Manhaj Tarjih Muhammadiyah*. Jurnal Tarjih dan Pengembangan Pemikiran Islam. Majelis Tarjih dan Tajdid Pimpinan Pusat Muhammadiyah.
- Sai'd Halim. (2010). *Maqasid 'Ulya li Syari'at Islamiyat*. 1<sup>st</sup> ed. Ma'had al-'Alami li al-Fikr al-Islami. Beirut.
- Tjetjep Samsuri. (2003). Kajian Teori, Kerangka Konsep dan Hipotesis dalam Penelitian. Semiloka Penyusunan Program PLSP Pamong Belajar dan Staf Administrasi Balai Pengembangan Kelompok Belajar. Universitas Negeri Padang, Sumatera Barat, Indonesia.
- Zidni Nuran, N. & Zaizul, A. R. (2017). *Perbandingan Proses Tazkiyat al-Nafs menurut Imam al-Ghazali dan Ibnu Qayyim*. Jurnal al-Turath. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Zubair Amir, N. R., Nur Mardia, M., Mohd Fuad, M. S. & Nan Noorhidayu, M. L. (2019). *Aplikasi Maqasid Syari'at dalam Sistem Pendidikan di Malaysia: Pembelajaran Abad Ke-21*. International Journal of Business Economics and Law. International Islamic University Malaysia (UIAM).
- Zubair Amir, N. R., Nur Mardia, M., Mohd Fuad, M. S. & Nan Noorhidayu, M. L. (2019). *Aplikasi Maqasid Syari'at dalam Sistem Pendidikan di Malaysia: Pembelajaran Abad Ke-21*. International Journal of Business Economics and Law. International Islamic University Malaysia (UIAM).